

Anwar Tidak Wajar Heret Rakyat Untuk Selesai Masalah Peribadi, Kata Adnan Bernama
31 Disember, 2011

BERA, 31 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak sepatutnya mengheret rakyat mengadakan demonstrasi jalanan bagi menyelesaikan masalah peribadi yang dihadapinya.

Beliau berkata kempen "Bebas Anwar 901" yang dirancang sayap Pemuda Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada 9 Jan ini boleh mencetuskan huru-hara dan menggugat keselamatan orang ramai.

"Kempen itu adalah tindakan yang boleh memberikan kesan buruk dan menggugat kestabilan baik dari segi keamanan, politik, sosial dan ekonomi negara," katanya katanya kepada pemberita selepas majlis bersama Peserta Felcra Projek Tanah Kelompok (RTK) Tembangau di sini, hari ini.

Beliau berkata Penasihat PKR itu perlu menghormati keputusan yang akan dibuat mahkamah pada 9 Jan ini berhubung kes liwatnya kerana keputusan itu akan dibuat berdasarkan perbicaraan dan bahan bukti kukuh yang dikemukakan di mahkamah.

"Anwar boleh membuat rayuan jika keputusan hakim nanti tidak memihak kepadanya," katanya.

Oleh yang demikian, tegas Adnan, Anwar tidak perlu mengheret rakyat dalam soal peribadinya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637429>